



## LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E

Tel : 03-89113800 Emel : exam@niosh.com.my

---

**Tarikh : 28 Ogos 2019**

**KEPADA YANG BERKENAAN ;**

Tuan / Puan,

**MAKLUMAN PENANGGUHAN PENGANJURAN PEPERIKSAAN KOMPETENSI PERMONITORAN PENDEDAHAN BUNYI BISING (MNE)**

---

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Tataamalan Industri bagi Pengurusan Pendedahan Bising Pekerja dan Pemuliharaan Pendengaran telah diluluskan YB Menteri Kementerian Sumber Manusia pada 26 Jun 2019.
3. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja menangguhkan peperiksaan Kompetensi Permonitoran Pendedahan Bunyi Bising (MNE) sehingga modul, soalan dan format peperiksaan yang baharu dikeluarkan mengikut Tataamalan Industri bagi Pengurusan Pendedahan Bising Pekerja dan Pemuliharaan Pendengaran yang diluluskan.
4. Bahagian Peperiksaan dan Persijilan NIOSH akan mengendalikan semula peperiksaan MNE yang akan dikenali sebagai Penaksir Risiko Bunyi Bising (NRA) pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
5. Sekiranya pihak tuan / puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Pegawai Bahagian Peperiksaan dan Persijilan NIOSH, En. Mohd Aizuddin Bin Mohamed Rosly atau Pengurus Cik Siti Faranez Binti Harun di talian 03-87692100 sambungan 3922 atau emel kepada exam@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
**AHMAD NAZRI BIN ABD KADER**

Pengerusi,

Jawatankuasa Kompetensi Permonitoran Pendedahan Bunyi Bising

Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja